

KESEDIHAN WANITA BERHADAPAN KRISIS RUMAHTANGGA

Raikhan Binti Mormin

Universiti Teknologi Malaysia

Email: raikhanmormin@gmail.com

Bushrah Binti Basiron

Universiti Teknologi Malaysia

Email: bushrah@utm.my

ABSTRAK

Keperitan wanita mengharungi krisis rumah tangga merupakan suatu yang amat menyediakan kepada wanita yang masih mempunyai anak-anak bersekolah. Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengkaji tentang cabaran kesedihan yang dialami oleh wanita dan proses yang dilalui berhadapan krisis rumah tangga. Pendekatan grounded theory digunakan untuk kajian ini bagi mendapatkan tentang isu kesedihan yang dialami. Seramai 7 orang peserta kajian terlibat dalam kajian ini. Peserta berusia antara 28-50 tahun yang masih mempunyai anak-anak bersekolah. Kesemua mereka dalam proses kaunseling dan penceraian. Hasil kajian mendapati tujuh tema cabaran kesedihan yang dialami oleh wanita berhadapan krisis rumah tangga iaitu emosi terganggu, tanggungjawab kewangan, anak-anak menjadi keutamaan, tanggungjawab pelbagai, trauma berpanjangan, cabaran kesihatan dan lebih kuat untuk beribadah. Sebanyak tiga proses kesedihan yang dilalui peserta kajian iaitu sedih, menerima dengan redha dan mula bangkit kerana keutamaan kepada anak-anak serta masa hadapan kehidupan. Berdasarkan kajian ini jelas memperlihatkan kekuatan wanita dalam mengharungi trauma kesedihan telah memberikan satu impak positif dalam meneruskan kehidupan walaupun pada hakikatnya mereka sedang bertarung dengan krisis rumah tangga yang menyakitkan. Selain itu, kajian ini juga dapat memberikan penyelesaian yang terbaik untuk wanita bangkit mengatasi masalah rumah tangga. Hasil kajian ini mendapati terdapat perbezaan antara hasil kajian ini dengan model yang lepas berkaitan proses kesedihan yang dialami.

Kata Kunci: Kesedihan, Grounded Theory, Krisis Rumah Tangga, Trauma, Bangkit

PENDAHULUAN

Sesebuah keluarga semestinya bermatlamatkan keluarga yang bahagia. Keluarga yang bahagia akan melahirkan generasi yang hebat kerana didikan yang mantap dalam sesebuah institusi kekeluargaan (Nur Faezah et.al, 2020). Suami merupakan ketua keluarga amat memainkan peranan penting dalam mencapai kebahagiaan rumah tangga. Walaupun pada dasarnya perselisihan, pertengangan dan krisis rumah tangga menjadi suatu yang biasa dalam rumah tangga, namun ianya perlu di atasi secara hikmah (Eva Meizara Puspita Dewi dan Basti, 2008). Pengabaian rumah tangga, kekerasan fizikal dan penderaan emosi oleh suami adalah antara aspek-aspek utama yang mengakibatkan berlakunya kecelaruan dalam perhubungan suami isteri (Sadarjoen, 2005). Isteri yang berhadapan dengan pengabaian rumah tangga akan merasakan satu tekanan yang sangat hebat terutama apabila masih lagi mempunyai anak-anak yang masih bersekolah. Perasaan sedih dan celaru akan sentiasa menghantui pemikiran mereka. Kesedihan adalah suatu perasaan dan keadaan sedih atau susah hati (Kamus Dewan, 2007). Ramai pakar psikologi telah membincangkan proses kesedihan antaranya ialah Kubler-Ros (1969). Sebelum ini banyak kajian lebih kepada kesedihan akibat kematian orang tersayang, namun pengkaji akan membuat kajian tentang kesedihan wanita yang berhadapan krisis rumah tangga.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini lebih menumpukan isu kesedihan seorang wanita bergelar isteri yang diabaikan dan berhadapan dengan krisis rumah tangga yang amat menyakitkan. Menurut Kartono (1992) wanita lebih banyak menunjukkan tanda-tanda emosional. Ini jelas terlihat wanita lebih sensitif, mudah berkecil hati, bingung, takut, cemas dan mudah tertekan dengan situasi yang dihadapinya. Wanita yang berhadapan krisis rumah tangga akan mengharungi cabaran yang amat getir dan menjadikan mereka berada dalam situasi kesedihan.

Cabarannya apabila berhadapan kekerasan fizikal yang dilakukan suami apabila terjadinya ketidaksefahaman. Kesan akibat kekerasan menjadikan diri mereka sentiasa dalam keadaan trauma dan kesedihan. Apabila suami sudah tidak menjalankan tanggungjawab dengan sebaiknya mengikut tuntutan syarak, tanggungjawab terhadap anak dan isteri diketepikan, maka akan terjadinya keluarga nuklear (*mantenal nuclear family*) di mana ianya diketuai oleh ibu sahaja, tanpa ada sokongan atau peranan dari pihak bapa(Azizi, 2008). Pengabaian tanggungjawab oleh suami menjadikan isteri terpaksa menggalas peranan suami dengan keadaan tekanan yang hebat disamping anak-anak yang masih bersekolah. Mereka terpaksa menjalankan aktiviti yang dilakukan oleh kudrat lelaki walaupun pada dasarnya mereka tidak mampu melakukannya. Berdasarkan sudut kelemahan wanita, jelas terlihat kesedihan dalam kehidupan mereka bersama-sama dengan anak-anaknya (Dharatun Nisa, 2017).

Kesan daripada perubahan keluarga menyebabkan bertambah beban kepada wanita yang berhadapan dengan permasalahan ini (Diyana, Doris & Nor Aini, 2009). Pengabaian dan krisis rumah tangga akan lebih mendatangkan kesedihan apabila melihat kepada peranan dan tanggungjawab isi rumah digalas oleh seorang wanita yang nampak lemah pada mata kasar. Mereka terpaksa berusaha mencari nafkah untuk menyara kehidupan diri dan anak-anak. Pembahagian masa, tekanan kerja, penjagaan anak-anak, permasalahan dari pihak suami sememangnya boleh mendatangkan kehidupan mereka menjadi kucar kacir, malah boleh mengakibatkan masalah kemurungan yang tinggi. Mereka juga agak sukar menyeimbangkan urusan kerja dengan

anak-anak tanpa bantuan suami. Keadaan menjadi semakin tertekan apabila keadaan anak-anak yang menunjukkan sikap yang sukar dikawal dan protes terhadap ibunya. Kesibukan dan keceluaran emosi ibu ini, menyebabkan mereka terlepas pandang dalam membina dan membentuk sahsiah dan peribadi anak-anak berteraskan ajaran Islam. Ini akan menimbulkan tekanan dan dilema dalam menjalankan kehidupan sehari-hari untuk ditempuhi.

Malah bukan sahaja wujudnya masalah disiplin dalam kalangan anak-anak, cabaran kemiskinan, peningkatan tahap ekonomi juga memberi tamparan hebat dengan meningkatnya kos sara hidup. Pengabaian nafkah oleh suami menambah lagi kesedihan yang semakin memuncak dalam kalangan wanita. Isu bebanan kewangan merupakan tekanan yang tinggi buat mereka sehingga boleh mencapai tahap kemurungan yan kritikal. Cabaran yang jelas di sini adalah emosi. Cabaran emosi merupakan cabaran utama kepada wanita pertengahan usia. Mereka mudah menangis dan sensitif terutama isu rumahtangga. Pada usia inilah mereka amat memerlukan pasangan untuk sama-sama mengemudi kehidupan berkeluarga. Tetapi mereka terpaksa berhadapan isu yang tragis yang bermain dalam benak jiwa mereka. Mereka memerlukan masa yang panjang untuk menangkis masalah yang sentiasa hadir dalam diri mereka. Kesedihan yang sentiasa wujud dalam diri mereka adalah reaksi terhadap krisis rumahtangga yang mereka alami (Kubler-Ross & Kessler, 2005; Diyana et.al, 2009; Broussard et.al, 2012; Rousou, 2013; Anura et.al, 2019).

Berdasarkan kajian Eva Meizara Puspita Dewi dan Basti (2008), menyatakan bahawa wanita yang telah berkahwin secara tidak langsung akan menyerahkan sepenuhnya jiwa dan dirinya kepada pasangannya. Oleh yang demikian, sememangnya sokongan dan dorongan dari suami sebagai pasangan amat mereka perlukan. Apabila berlaku krisis rumahtangga, wanita akan lebih terkesan apabila wanita lebih banyak menunjukkan tanda-tanda emosional (Kartono, 1992). Mereka lebih banyak menunjukkan reaksi cepat bingung, tegang, berkecil hati, takut dan cemas. Ini mewujudkan simptom kesedihan semakin menular. Menurut Worden & Silverman (1993) kekurangan sokongan dan dorongan akan menyebabkan kemurungan semakin tinggi dialami oleh wanita yang berhadapan dengan masalah keluarga.

Kebanyakkan kajian telah memperlihatkan cara wanita berhadapan kesedihan dalam mengharungi kehidupan mereka terutamanya yang mempunyai anak-anak yang masih bersekolah. Trauma kesedihan wanita adalah berdasarkan permasalahan yang dialami dalam perjalanan kehidupan mereka. Oleh yang demikian adalah sangat penting kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti cabaran-cabaran yang dilalui semasa proses kesedihan wanita berhadapan dengan pengabaian pasangan dan krisis rumahtangga secara lebih terperinci dalam membina kekuatan dalam mereka menangkis perasaan kesedihan yang merundum perasaan mereka.

PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah cabaran kesedihan yang dilalui oleh wanita yang berhadapan krisis rumahtangga?
2. Apakah proses yang dilalui semasa menghadapi kesedihan apabila berlaku pengabaian dan krisis rumahtangga?

Peringkat Kesedihan

Peringkat kesedihan akibat berlaku pengabaian dan krisis rumahtangga telah dikemukakan oleh Kubler-Ross (1969) telah mengkategorikan peringkat kesedihan kepada lima peringkat sebagaimana berikut:

1. Penafian (denial)

Penafian biasanya berbentuk sementara. Perasaan ini akan berubah apabila wanita mempunyai kesedaran yang tinggi dan sering memikirkan ingin kehidupan bahagia dan kasih sayang berharga daripada suami. Pada waktu dan ketika ini, dunia sudah tidak mempunyai makna baginya dan amat menyediakan. Mereka merasakan masa depan mereka gelap dan hidup dalam keadaan merana. Wanita ini berada dalam keadaan sukar untuk menerima kenyataan dan sering khawatir tentang keluarganya. Mereka juga sentiasa berharap pasangannya akan dapat memberikan perhatian dan kehidupan yang harmonis.
2. Kemarahan (anger)

Pada tahap ini, wanita mula mengakui penafian tidak boleh diteruskan. Pengabaian dan krisis rumahtangga yang dilaluinya membangkitkan kemarahannya. Kemarahan yang wujud dalam jiwanya menyebabkan mereka sukar mengawal emosi. Kesedihan bercampur baur dengan kemarahan boleh mengakibatkan mereka kurang pertimbangan dalam meneruskan kehidupan secara normal. Ini yang mengakibatkan mereka mudah marah walaupun dengan sesiapa sekalipun tanpa mengira keadaan dan tempat. Biasanya yang menjadi mangsa adalah anak-anak.
3. Rasa bersalah (bergaining)

Dalam fasa ini, wanita sering menyalahkan diri mereka sendiri terhadap krisis rumahtangga yang berlaku dalam keluarganya. Mereka amat berharap ianya dapat kembali seperti sediakala. Inginkan kebahagiaan datang semula dalam keluarganya dan ingin bersama dengan suami dan anak-anaknya. Mereka sanggup melakukan apa sahaja yang boleh mengurangkan rasa sakit di dalam hati mereka akibat krisis rumahtangga yang dialami.
4. Kemurungan (depression)

Selepas merasai fasa rasa bersalah, wanita ini mula memikirkan tentang situasi yang sedang berlaku pada masa kini. Kesedihan dan sakit dalam jiwa menerkam dirinya, merasakan dirinya tiada langsung penghargaan dan rasa diabaikan. Kesunyian sentiasa hadir dalam benak sanubarinya. Tekanan hidup semakin mendalam dengan bayangan kesakitan

akibat krisis rumahtangga yang sentiasa mencengkam. Kemurungan terjadi menyebabkan wanita ini lebih rela sendirian melayan perasaan.

5. Penerimaan (acceptance)

Peringkat akhir dalam tahap-tahap kesedihan adalah proses untuk menerima kenyataan dan membina kekuatan dalam untuk terus melangsungkan kehidupan tanpa mengingati masa lampau. Keyakinan untuk terus menerima takdir dan kehidupan baru semakin dikecapi. Mereka juga perlu membuat penyesuaian dalam meneruskan kehidupan.

Namun begitu, Kluber-Ross (1969) menyatakan bahawa susunan langkah mengatasi kesedihan tidak semestinya mengikut urutan di atas. Kesedihan yang dilalui adalah berdasarkan situasi wanita tersebut mengatasinya. Ianya tidak boleh diatur dan dipaksa untuk melalui semua fasa tersebut. Malahan ianya bergantung pada tahap kekuatan emosi wanita tersebut. Bagi wanita yang ditinggalkan suami atau berlaku penderaan dari kalangan suami, proses ini merupakan proses yang terpaksa dihadapi agar mereka tidak lagi menoleh kebelakang melihat masa silam mereka menyakitkan dan menyediakan.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif *grounded theory*. *Grounded theory* telah dipelopori oleh Glaser dan Strauss pada tahun 1967 (McLeod, 2001). Menurut beliau, teori dalam *grounded theory* bermaksud kerangka kerja formal yang dihasilkan daripada pengumpulan data kajian. Selain itu, ianya juga pendekatan kualitatif yang digunakan untuk memperolehi dan menemukan satu teori atau satu skema analitik yang abstrak dari satu proses iaitu suatu tindakan atau interaksi (Staruss dan Cobin, 1998).

Pengalaman kesedihan dalam krisis rumahtangga ini merupakan satu proses yang menyakitkan, dimana melalui proses ini, beberapa perkara dibangkitkan sehingga menjadi satu rumusan kajian untuk menjelaskan tentang proses dan perkongsian pengalaman yang dilalui oleh peserta kajian. Terdapat tiga jenis proses analisis data (*coding*) iaitu *open coding*, *axial coding* dan *selective coding*. Ianya dilaksanakan serentak supaya rumusan yang dibuat berdasarkan data yang diperolehi menjadi tepat dan betul (Staruss dan Cobin, 1998).

Responden yang terlibat seramai 7 orang yang kesemuanya adalah wanita yang telah berkahwin dan berlatarbelakangkan rumahtangga yang berkrisis. Responden tersebut dikenali dengan Responden 1 (R1), Responden 2 (R2), Responden 3 (R3), Responden 4 (R4), Responden 5 (R5), Responden 6 (R6) dan Responden 7 (R7). Menggunakan kaedah temubual separa struktur dan pemerhatian. Mereka berusia diantara 28 hingga 50 tahun yang masih mempunyai anak bersekolah. Kesemua responden bekerja dan pendapatan di bawah 2500 ringgit sebulan. Namun 2 orang daripadanya tidak mempunyai pendapatan yang tetap.

Kajian ini menggunakan data analisis Nvivo bagi melihat data yang lebih tepat dalam mencari kesan trauma kesedihan yang dialami oleh wanita yang mempunyai anak bersekolah berhadapan krisis rumahtangga. Ianya dapat dilihat dalam mencari perbezaan atau persamaan melalui model kesedihan yang dibina oleh Kluber-Ross.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian akan menjawab persoalan kajian iaitu ‘Apakah cabaran kesedihan yang dilalui oleh wanita yang berhadapan krisis rumahtangga?’ dan ‘Apakah proses yang dilalui semasa menghadapi kesedihan apabila berlaku pengabaian dan krisis rumahtangga?’.

Cabarans kesedihan yang dialami oleh wanita berhadapan krisis rumahtangga.

Terdapat tujuh tema yang dihasilkan dalam cabaran kesedihan yang dialami oleh wanita berhadapan krisis rumahtangga. Tema utama dalam kajian ini ialah emosi terganggu, seterusnya tanggungjawab kewangan, anak-anak menjadi keutamaan, tanggungjawab pelbagai, trauma berpanjang, cabaran kesihatan dan lebih kuat untuk beribadah. Cabaran kesedihan yang dialami oleh wanita berhadapan krisis rumahtangga adalah berdasarkan Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Kesedihan Berhadapan Krisis Rumahtangga

Tema	Sub Tema
Emosi Terganggu	Emosi tidak stabil (E1)* Benci dengan pasangan (E2)* Perasaan Marah (E3)* Terabai (E4)* Kuatkan semangat (E5)** Merasa diri tidak bersalah (E6)* Berlawan dengan perasaan (E7)* Hati rasa terluka (E8)* Enggan bersosial (E9)* Sintiasa dalam ketakutan (E10)* Tekanan dan kemurungan (E11)*

	Tiada tempat untuk mengadu dan berbincang (E12)* Terlalu sedih (E13)* Menerima dengan redha (E14)** Memujuk hati (E15)** Merasa Sunyi (E16)*
Tanggungjawab Kewangan	Tidak cukup menyara keluarga (K1)* Tidak menerima nafkah (K2)* Pendapatan tidak menentu (K3)* Bekerja makan gaji (K4)** Membayar pinjaman peribadi (K5)* Menyara hidup suami (K6)* Pendapatan dari sumber yang lain. (K7)**
Anak-anak menjadi keutamaan	Keutamaan pada anak-anak (A1)** Anak bermasalah dan memberontak (A2)* Anak berjaya dalam pelajaran (A3)** Anak trauma dan kemurungan (A4)* Anak benci dengan bapa sendiri (A5)* Masa kurang bersama anak-anak (A6)* Anak tidak bermasalah (A7)**
Tanggungjawab pelbagai	Penat bekerja (P1)* Tanggungjawab sebagai ibu dan ayah (P2)** Membayar sewa rumah (P3)* Tidak lena tidur (P4)* Berdikari (P5)** Pergerakan terhad (P6)* Perbelanjaan anak-anak (P7)* Temuanji hospital (P8)*
Trauma berpanjangan	Ujian untuk diri (T1)** Bunyi tangisan (T2)* Teringat-ingat bergaduh dengan suami (T3)* Terfikir nak bercerai (T4)* Nak lari dari masalah (T5)* Pelbagai perkara yang difikirkan (T6)*
Cabarani kesihatan	Sakit (S1)* Sakit misteri (S2)*
Lebih kuat beribadat	Pengharapan kepada pencipta (I1)** Terasa lebih hamper dengan Tuhan (I2)**

*item negatif

**item positif

Emosi Terganggu

Sebanyak 16 sub tema emosi tergannggu. Ianya merupakan tema yang paling utama yang dihadapi oleh responden kajian berbanding tema yang lain. Sub tema perasaan marah (E3), terabai (E4), hati rasa terluka (E8), terlalu sedih (E13) merupakan sub tema yang paling tinggi dialami oleh responden kajian. Kesemua tujuh responden mengalami sub tema yang sama. Seterusnya, sub tema emosi tidak stabil (E1), kuatkan semangat (E5), berlawanan dengan perasaan (E7), Merasa sunyi seramai lima orang responden mengalaminya. Manakala sub tema benci dengan pasangan (E2), sentiasa dalam ketakutan (E10) dan tekanan dan kemurungan (E11) seramai empat orang responden menhadapinya. Sub tema merasa diri tidak bersalah (E6) adalah seramai tiga orang responden yang menghadapinya. Sub tema seterusnya iaitu tiada tempat untuk mengadu dan berbincang (E12) dan memujuk hati (E15) menunjukkan dua orang responden yang berhadapan dengannya. Sub tema terakhir menerima dengan redha (E14) hanya memperlihatkan seorang responden merasainya.

Jadual 2: Tema Emosi Terganggu

SUB TEMÀ	RESPONDEN KAJIAN							N1
	R1	R2	R3	R4	R5	R6	R7	
Emosi tidak stabil (E1)*	/	/	/	/	/	/	/	5
Benci dengan pasangan (E2)*	/	/	/	/	/	/	/	4
Perasaan Marah (E3)*	/	/	/	/	/	/	/	7
Terabai (E4)*	/	/	/	/	/	/	/	7
Kuatkan semangat (E5)**	/		/	/	/	/	/	5
Merasa diri tidak bersalah (E6)**	/	/			/			3
Berlawan dengan perasaan (E7)*	/	/		/		/	/	5
Hati rasa terluka (E8)*	/	/	/	/	/	/	/	7
Enggan bersosial (E9)*					/			2
Sentiasa dalam ketakutan (E10)*	/	/			/		/	4

Tekanan dan kemurungan (E11)*	/	/	/	/	/	/	4
Tiada tempat untuk mengadu dan berbincang (E12)*		/				/	2
Terlalu sedih (E13)*	/	/	/	/	/	/	7
Menerima dengan redha (E14)**			/		/		1
Memujuk hati (E15)**			/		/		2
Merasa Sunyi (E16)*		/		/	/	/	5
N2	11	12	7	11	10	8	11
JUMLAH (*)	10	11	4	10	6	7	11
JUMLAH (**)	1	1	3	1	4	1	0

Tanggungjawab Kewangan

Tema kedua adalah tanggungjawab kewangan wanita yang mengalami krisis dan pengabaian rumah tangga. seramai tujuh orang responden tidak menerima nafkah (K2) dari suami samaada nafkah zahir mahupun nafkah batin. Manakala bagi sub tema pendapatan tidak menentu (K3), bekerja makan gaji (K4), membayar pinjaman peribadi (K5) dan menyara hidup suami (K6) yang dilalui oleh lima orang responden dalam kehidupan sehari-hari mereka. Manakala empat orang responden tidak cukup menyara keluarga (K1) dengan pendapatan mereka dan empat orang responden terpaksa mencari pendapatan dari sumber yang lain. Sebagaimana Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Tema Tanggungjawab Kewangan

SUB TEMA	RESPONDEN KAJIAN							N1
	R1	R2	R3	R4	R5	R6	R7	
Tidak cukup menyara keluarga (K1)*	/	/	/	/	/			4
Tidak menerima nafkah (K2)*	/	/	/	/	/	/	/	7
Pendapatan tidak menentu (K3)*	/		/		/	/	/	5
Bekerja makan gaji (K4)**	/		/	/		/	/	5
Membayar pinjaman peribadi (K5)*	/	/		/		/	/	5
Menyara hidup suami (K6)*	/	/	/	/		/		5
Pendapatan dari sumber yang lain. (K7)**	/			/	/	/		4
N2	6	5	5	6	4	6	4	
JUMLAH (*)	5	4	4	4	3	4	3	
JUMLAH (**)	1	1	1	2	1	2	1	

Anak-anak menjadi keutamaan

Tema ketiga kajian adalah anak-anak menjadi keutamaan. Sebanyak tujuh sub tema kajian telah dihasilkan sebagaimana Jadual 4 di bawah. Kesemua responden mempunyai anak-anak yang masih bersekolah dan sebahagian daripada mereka mempuanyai anak-anak yang telah bekerja. Hasil daripada sub tema keutamaan pada anak-anak menjadi keutamaan (A1) kepada ketujuh-tujuh responden kajian. Namun, dalam waktu yang sama, kesemua responden mengalami anak dalam keadaan trauma dan kemurungan (A4). Seramai enam orang responden mengalami masa kurang bersama anak-anak (A6). Namun terdapat empat orang responden berhadapan dengan anak bermasalah dan memberontak (A2) dan anak benci pada bapa sendiri (A5). Namun begitu, terdapat juga tiga orang responden yang mempunyai anak yang tidak bermasalah (A7) dan dua orang responden mempunyai anak berjaya dalam pelajaran (A3).

Jadual 4: Tema Anak-anak menjadi keutamaan

SUB TEMA	RESPONDEN KAJIAN							N1
	R1	R2	R3	R4	R5	R6	R7	
Keutamaan pada anak-anak (A1)**	/	/	/	/	/	/	/	7
Anak bermasalah dan memberontak (A2)*	/	/	/	/			/	4
Anak berjaya dalam pelajaran (A3)**			/	/				2
Anak trauma dan kemurungan (A4)*	/	/	/	/	/	/	/	7
Anak benci dengan bapa sendiri (A5)*	/	/	/	/				4
Masa kurang bersama anak-anak (A6)*	/	/	/	/		/	/	6
Anak tidak bermasalah (A7)**	/				/	/		3
N2	5	5	6	6	3	4	4	
JUMLAH (*)	3	4	4	4	1	2	3	
JUMLAH (**)	2	1	2	2	2	2	1	

Tanggungjawab pelbagai

Hasil kajian menunjukkan bahawa sebanyak 8 sub tema diperoleh dalam tema tanggungjawab pelbagai sebagaimana dalam jadual 5 iaitu sub tema penat bekerja (P1) dihadapi oleh semua responden terlibat. Manakala tanggungjawab sebagai ibu dan ayah (P2) dan perbelanjaan anak-anak (P7) dipikul oleh enam orang responden. Manakala lima orang responden tidak dapat tidur yang lena (P4) kerana teringatkan tanggungjawab yang dihadapinya. Bagi sub tema berdikari (P5) dihadapi oleh empat orang responden. Bagi sub tema membayar sewa rumah (P3) dan temujanji hospital (P8) seramai tiga orang responden menghadapinya.

Jadual 5: Tanggungjawab pelbagai

SUB TEMA	RESPONDEN KAJIAN							N1
	R1	R2	R3	R4	R5	R6	R7	
Penat bekerja (P1)*	/	/	/	/	/	/	/	7
Tanggungjawab sebagai ibu dan ayah (P2)**	/	/	/	/	/	/	/	6
Membayar sewa rumah (P3)*	/	/				/		3
Tidak lena tidur (P4)*	/			/	/	/	/	5
Berdikari (P5)**	/			/	/	/		4
Pergerakan terhad (P6)*					/		/	2
Perbelanjaan anak-anak (P7)*	/	/	/	/	/	/		6
Temujanji hospital (P8)*	/	/					/	3
N2	7	7	3	7	6	6	4	
JUMLAH (*)	5	6	2	5	4	4	4	
JUMLAH (**)	2	1	1	2	2	2	0	

Trauma berpanjangan

Berdasarkan tema trauma berpanjangan menunjukkan 6 sub tema berdasarkan jadual 6 di bawah. Sub tema teringat-ingat bertengkar dengan suami (T3) dan nak lari dari masalah (T5) telah dialami oleh ke semua responden kajian. Manakala bunyi tangisan (T2), terfikir nak bercerai (T4) dan pelbagai perkara yang nak difikirkan (T6) telah dilalui oleh 5 orang responden kajian. Dua orang responden menerima ujian untuk diri (T1) dalam berhadapan krisis rumahtangga.

Jadual 6: Tema Trauma berpanjangan

SUB TEMA	RESPONDEN KAJIAN							N1
	R1	R2	R3	R4	R5	R6	R7	
Ujian untuk diri (T1)**				/	/			2
Bunyi tangisan (T2)*	/	/	/		/		/	5
Teringat-ingat bertengkar dengan suami (T3)*	/	/	/	/	/	/	/	7
Terfikir nak bercerai (T4)*	/	/	/	/		/		5
Nak lari dari masalah (T5)*	/	/	/	/	/	/	/	7
Pelbagai perkara yang difikirkan (T6)*	/	/		/	/	/		5
N2	5	5	4	5	5	4	3	
JUMLAH (*)	5	5	4	4	4	2	3	
JUMLAH (**)	0	0	0	1	1	2	0	

Cabarhan kesihatan

Dua sub tema bagi cabaran kesihatan yang dialami oleh wanita yang berhadapan krisis rumahtangga iaitu sakit (S1) dan Sakit misteri (S2). Berdasarkan jadual 6 di bawah, seramai tiga orang responden kajian sahaja yang mengalaminya. Manakala sakit misteri (S2) pula, dialami oleh dua orang responden kajian. R3, R4 R5 dan R6 tidak berhadapan masalah cabaran kesihatan. Namun ianya menjadi suatu cabaran yang amat kuat buat R2 dan R7, mereka berhadapan kedua-dua sub tema.

Jadual 7: Tema Cabaran Kesihatan

SUB TEMA	RESPONDEN KAJIAN							N1
	R1	R2	R3	R4	R5	R6	R7	
Sakit (S1)*	/	/					/	3
Sakit misteri (S2)*		/					/	2
N2	1	2	0	0	0	0	2	
JUMLAH (*)	1	2	0	0	0	0	2	
JUMLAH (**)	0	0	0	0	0	0	0	

Lebih kuat beribadat

Hasil kajian bagi tema lebih kuat beribadat yang merupakan kedua-dua sub topiknya adalah positif menunjukkan sekesemua responden kajian melaksanakan amal ibadat dan berdoa dengan sepenuh pengharapan kepada pencipta (I1). Manakala terdapat empat orang responden merasakan diri mereka sangat hamper dengan tuhan (I2) asbab dari permasalahan keluarga yang telah mereka lalui. Berdasarkan hasil yang diperolehi mereka mula bangkit untuk meneruskan hidup dengan bersandarkan pada tuhan dan hanya kepadanya kembali. Ianya dapat dianalisis berdasarkan Jadual 8 di bawah.

Jadual 8: Tema Lebih kuat beribadat

SUB TEMA	RESPONDEN KAJIAN							N1
	R1	R2	R3	R4	R5	R6	R7	
Pengharapan kepada pencipta (I1)**	/	/	/	/	/	/	/	7
Terasa lebih hampir dengan Tuhan (I2)**	/		/		/	/		4
N2	2	1	2	1	2	2	1	
JUMLAH (*)	0	0	0	0	0	0	0	
JUMLAH (**)	2	1	2	1	2	2	1	

Proses yang dilalui oleh wanita berhadapan pengabaian dan krisis rumahtangga.

Hasil kajian menunjukkan bahawa proses yang dilalui oleh wanita berhadapan pengabaian dan krisis rumahtangga adalah:

Pertama: Sedih

Semua responden kajian merasa sedih nasib malang yang menimpa diri dan keluarganya apabila menjadi mangsa pengabaian dan krisis dalam rumahtangga. Mereka juga amat terkilan kerana tidak dapat mewujudkan suasana yang harmonis dalam rumahtangga sehingga anak-anak juga terpalit sama. Contoh kesedihan yang mereka alami iaitu:

“*Sedih sangat, rasa bersalah dengan anak-anak tapi dia (suami) terlalu pentingkan diri sampaikan kami terabai.....*”(temubual dengan R3).

Perasaan sedih yang dialami oleh P3 dikuatkan lagi dengan irungan air mata beliau semasa temubual dijalankan.

“*Akak sedih sangat bila depan anak-anak pun dia tengking akak, maki hamun, dia pukul anak-anak nak lepaskan geram dia...sepanjang akak kawin dengan dia (suami) tidak pernah rasa tenang...teringin juga nak macam orang lain, akak bukan nak banyak pun, cuma nak kasih sayang tu je..*”(temubual dengan R2).

Beliau (R2) menangis sambil mengelap air mata apabila menceritakan pengalaman pahit hidupnya yang langsung tidak dihargai.

“*...sedih... sangat dia tak nak kerja, kerjanya minta duit aje..akak terpaksalah kerja keras untuk sara hiup. Tak dapat duit habis rumah diamuknya..*” (temubual dengan R4).

“*Hmm...terasa sedih yang amat bila kenang semula pedihnya kehidupan akak bersama anak-anak langsung tak dihiraukan tentang nafkah...malah dia ambik lagi bahan terlarang tu, balik rumah ngamuk-ngamuk...hurmmm..*” (temubual dengan R5).

Terlihat R5 menyupu air matanya sambil memegang parut baru di tangannya (Pemerhatian R5).

“*sedih yang amat, bukan je dia (suami) yang buat hal, anak-anak pun ikut sama dah feel bapa dia..anak-anak kadang susah nak dinasihat...ada je datangkan masalah..akak lama-lama strees...*”(temubual dengan R3).

“..dia anggap akak ni menyusahkan kehidupan dia..akak duduk serumah dengan mak mertua, selalu je kena perli dengan diorang. Kadang-kadang akak dan anak-anak tahan supaya tak makan banyak-banyak, walaupun kami lapar sebenarnya. Nasib baik akak kerja, adalah sikit-sikit tumpung belanja, suami akak malas kerja, dia sanggup kena buang kerja...” (temubual dengan R7).

Tersedu-sedu tangisan dan bengkak mata menahan tangisan R7 mengenangkan krisis rumah tangga yang dialaminya. (Pemerhatian R7)

“...dia abaikan saya sebab ada perempuan lain...kami anak-beranak memang dijadikan bahan marah setiap hari...”(temubual dengan R1).

Jelas bergenang air mata R1 semasa temubual dijalankan.

Kedua: Menerima dengan redha

Daripada permasalahan dan krisis yang dihadapi, menunjukkan mereka antara mangsa pengabaian rumah tangga yang boleh membawa kepada masalah kemurungan. Ianya dapat dilihat apabila hanya dua orang responden iaitu R3 dan R5 yang dapat menerima dengan redha masalah yang mereka hadapi. Kebanyakkannya mereka terpaksa menjalani kehidupan dengan jiwa yang tertekan. Namun mereka (R1, R2, R4, R6, R7) meneruskan kehidupan dengan adanya anak-anak disamping mereka dan sentiasa belajar menerima hakikat dan meredhai apa yang telah ditakdirkan.

“...saya redha kehidupan saya diuji dengan suami yang sentiasa pentingkan diri. Saya akan cuba perbaiki hubungan bersama suami, manatau hati dia lembut...” (temubual dengan R3).

“...akak akan sentiasa redha dengan apa pun situasi...akak harap dia berubah satu hari nanti...” (temubual dengan R5).

Nampak kelembutan hati R5 yang dia memang menunjukkan rasa redha atas perkara yang berlaku dalam rumah tangganya. (Pemerhatian R5).

“...nak ikutkan memang saya tak boleh maafkan dia..tapi demi menjaga hubungan perkahwinan ni saya cuba pertahankan...” (temubual dengan R1).

R1 menunjukkan riak wajah geram bersama linangan airmata. (pemerhatian R1).

‘...lau ikut hati, lama dah saya minta cerai..geram, benci pun ada, tapi tulah..akak masih sayang keluarga akak, akak kenalah belajar redha...” (temubual dengan R2).

Jelas terdengar suara R2 yang tinggi semasa temubual dijalankan.

“...akak cuba nak redha atas apa yang dia dah buat, tapi tulah, semakin ingat, semakin sakit...tapi walau apapun akak akan cuba juga perbaiki..” (temubual dengan R4).

Bergenang air mata dan sesekali mengesat air matanya semasa temubual dijalankan. (Pemerhatian R4).

“...bukan senang nak redha bila orang dah buat kita macam-macam....” (temubual dengan R6).

Kelihatan riak wajah kegeraman di wajah R6. (Pemerhatian R6).

“...macamana akak nak redha, jiwa ni sakit belum terubat..tapi doakan akak kuat untuk sampai ke tahap itu...” (temubual dengan R7).

R7 merupakan isteri kemurungan yang pernah didera suami. Namun beliau tetap berusaha memujuk jiwanya untuk terus belajar redha dengan apa yang berlaku.

Ketiga: Bangkit kerana keutamaan kepada anak-anak serta masa hadapan kehidupan.

Perkara utama yang difikirkan oleh semua responden kajian ialah anak-anak. Mereka lah tempat pergantungan menjadi pelindung untuk anak-anak. Mereka tidak mahu anak-anak terus menerai dan merasa sedih atas pengabaian dan krisis yang berlaku dalam rumah tangga mereka. Mereka hanya berfikir bagaimana untuk membesar anak, menyekolahkan anak, memberi kasih sayang secukupnya sebagaimana anak-anak lain merasainya. Mereka berusaha sekeras-kerasnya untuk mencari rezeki bagi menyara keluarga. Sebagai contoh:

“....kekuatan saya anak-anak je..tak de lain dah...sakit pun saya bangun” (temubual dengan R1)

R1 merupakan pesakit kemurungan akibat masalah rumah tangga. Beliau bangkit walaupun masih dalam trauma dan masih dalam pengawasan pihak hospital. (pemerhatian R1)

“...anak nak pdpr, akak terpaksa gadai semua emas akak nak belikan handphone anak-anak nak belajar...akak memang kena cari duit lebih lepas ni...” (temubual dengan R2).

R2 seorang kakitangan kerajaan namun jelas terlihat untuk dirinya terus bangkit mencari rezeki lebih buat anak-anak.

“...bila dia lepas tangan hal rumahtangga, rasanya gelap juga dunia ni akak rasa..akak kena kerja kuat untuk anak-anak..” (temubual dengan R3).

R3 bekerja keras mengambil upah buat karipap selain kerja sebagai tukang sapu sampah di sekolah. Gajinya yang kecil tidak dapat menampung kewangan keluarganya. Suaminya langsung tidak ambil peduli malah ternampak luka-luka baru dan lebam di tangan dan mukanya akibat dipukul suami.

“...dah nak hantar anak-anak masuk asrama, mana nak korek duit..akak terpaksa buat pinjaman personal loan, nak bayar yuran sekolah, jajan dia lagi..zaman pandemik ni, memang tak leh pilih kerjalah..akak buatlah tuisyen malam-malam nak tumpung hutang sendiri...” (temubual dengan R4).

“...akak ambik upah basuh pinggan mangkuk kat kedai Seman depan...nak bagi makan minum anak, tak kan nak mintak dengan orang...” (temubual dengan R5)

R5 tinggal bersama anak-anak di rumah pusaka peninggalan arwah bapanya. Beliau masih menjaga ibunya, malahan beliau langsung tidak bekerja. Beliau keluar mencari sesuap rezeki dengan mengambil upah mencuci pinggan untuk keluarga kecilnya selepas suaminya mengabaikan rumahtangganya.

“...nak besarkan anak kan...nasib baik saya ada kerja sendiri...” (temubual dengan R6).

R6 tidak mempunyai masalah kewangan, kerana beliau bekerja, malahan beliau juga ada pendapatan sampingan hasil dari perniagaan online yang diusahakannya. Walaupun semua yang beliau ada, adalah untuk membersarkan anaknya.

“...Hmmm..mikir kat anaklah ni, sape nak tanggung...” (temubual dengan R7).

R7 merupakan seorang pesakit anxiety, namun beliau gigih menerima tempahan kuih untuk terus menyara anak-anaknya.

PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Perbincangan kajian dijalankan mengikut susunan persoalan kajian iaitu (1) cabaran kesedihan yang dilalui oleh wanita yang berhadapan krisis rumahtangga dan (2) Proses yang dilalui semasa menghadapi kesedihan apabila berlaku pengabaian dan krisis rumahtangga. Hasil kajian disokong dengan pelbagai teori dan hasil kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya.

Cabaran kesedihan yang dilalui oleh wanita yang berhadapan krisis rumahtangga

Cabaran emosi yang terganggu merupakan cabaran yang paling tinggi dalam kajian ini. Namun begitu, mereka redha dan segera bangkit dalam kehidupan mereka. Ini menyebabkan wanita ini tidak menzahirkan perasaan sedih yang terlampau dan mampu mengawal tekanan emosi mereka dari terus kemurungan. Walaupun sukar untuk menitip jiwa yang redha, mereka tetap berusaha mencapainya. Dapatkan kajian ini hampir sama dengan kajian Eva Meizara Puspita Dewi dan Basti (2008) yang menyatakan bahawa para isteri lebih banyak memilih diam dan mengalah terhadap sikap suaminya. Ia tidak mahu berlaku krisis yang lebih besar memandangkan ada anak-anak bersamanya. Malahan, Bill dan Farell (2002) dalam kajian mereka menyatakan bahawa, wanita ini lazimnya suka segera menyelesaikan masalah yang meliputi banyak hal yang tidak terkait, ini adalah tindakan penyangkal. Selain itu, beliau juga menegaskan bahawa wanita cenderung melakukan hal-hal yang dapat membuat mereka rasa diperhatikan dan mendapat ketenangan. Pengaduan dari golongan wanita merupakan satu respon yang akan membangkitkan satu kesatuan integrasi emosi yang terkadang mewujudkan pikiran, perasaan dan kemampuan yang erat berhubungan antara satu sama lain yang menyebabkan kaun hawa ini, cepat mengambil tindakan atas dasar emosinya (Gunarsah dan Gunarsah (1991).

Tanggungjawab kewangan antara cabaran yang terpaksa dihadapi oleh wanita yang berhadapan krisis rumahtangga. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa sebagai ibu yang mempunyai anak bersekolah akan sentiasa bangkit mencari jalan untuk kelangsungan kehidupan bersama keluarga. Menurut kajian Raikhan (2020), kesempitan hidup antara faktor penyumbang kepada isu penginayaan dalam rumahtangga. Ketidaksediaan suami dan isteri dalam menanggung beban dan tanggungjawab adalah penyebab utama permasalahan ini. Namun wanita dalam kajian ini amat tabah dan kuat berusaha untuk melaksanakan tanggungjawab kewangan dalam keluarganya. Mereka perlu menguatkan semangat dalam menguruskan kewangan walaupun ada dalam kalangan mereka mantap dalam kewangan, namun mereka lakukan untuk anak-anak bukan untuk kepentingan diri sendiri. Kajian ini hampir sama juga dengan kajian Anura, Ruhani dan Zakaria (2019) tentang isteri kematian suami yang dapat menguruskan kehidupan mereka dengan lebih baik iaitu salah satu antara sebabnya adalah pendapatan mereka yang agak stabil dan rasa lebih berusaha untuk kemudahan anak-anak.

Hasil kajian ini menunjukkan tekanan yang dihadapi oleh wanita yang berhadapan krisis rumah tangga adalah tinggi. Keseluruhan responden dalam kajian ini merasa sakit hati, benci, terluka dan terlalu sedih atas masalah yang menimpa mereka. Tanggungjawab pelbagai yang ditanggung menyebabkan mereka sendiri ingin memberontak dan boleh mencapai tahap kemurungan. Mereka terpaksa berhadapan masalah luaran dan dalaman keluarga sendirian tanpa bantuan dari suami. Kajian ini boleh dikaitkan dengan kajian Anura, Ruhani dan Zakaria (2019), bahawa tekanan yang mereka alami tidaklah sampai ke tahap tekanan yang agak tinggi. Tekanan adalah berada dalam tahap yang masih terkawal. Walaupun begitu, tekanan yang dihadapi adalah berbeza kerana wanita kematian suami tidak merasa terluka seperti mana wanita yang berhadapan krisis rumah tangga melaluiinya. Namun dalam menjalankan tanggungjawab mereka turut merasa rasa lelah dan penat sebagai ibu bapa kepada anak dan keluarganya.

Trauma berpanjangan telah memberi impak negatif terhadap responden kajian ini. Kebanyakkan mereka sukar untuk menerima ianya sebagai ujian terhadap diri. Terlalu banyak item negatif daripada item positif yang dipaparkan. Mereka sentiasa teringat-ingat percaduhan antara mereka suami isteri. Hampir kesemua responden ingin lari dari masalah yang dihadapi. Namun mengikut Rama Dhini Permasari dan Hamda (2020), konflik yang terjadi dalam rumah tangga perlukan penyelesaian. Apabila ianya dikelolakan dengan positif, kesan positif akan diperolehi dan sebaliknya. Pengabaian rumah tangga oleh pasangan dan layanan buruk yang diberikan seperti memukul, mengherdik, mencaci dan sebagainya menyebabkan hampir sebahagian responden kajian rasa ingin meminta cerai dari pasangan mereka. Walaupun begitu mereka masih ditahap sabar yang tinggi, hingga mampu bertahan dengan perkahwinan mereka. Dalam al-Quran surah at-Thalaq ayat 6 menjelaskan bahawa, “*tempatkanlah isteri-isteri kamu dengan tempat tinggal mengikut kemampuanmu dan jangan kamu menyusahkan mereka untuk menyempitkan hati mereka*”.

Pengamalan lebih kuat dalam beribadah dengan melaksanakan solat, puasa dan berdoa dapat memberikan kekutan dalaman dan merasa lebih hampir dengan pencipta. Banyak permasalahan dalaman yang ada pada diri mereka sendiri dapat diatasi dengan baik secara hikmah sehingga mereka bersedia menghadapi apa yang akan berlaku seterusnya dengan tenang. Nur Anifatul Aliyah (2014) menjelaskan bahawa strategi daya tindak agama memainkan peranan penting dalam kehidupan mereka dengan menyandarkan kebergantungan kepada Allah SWT. Kajian Dharatun Nissa (2017) menunjukkan salah satu strategi daya tindak yang digunakan adalah amalan pendekatan spiritual. Responden kajian mendekatkan diri dengan pencipta dengan sentiasa berdoa kehadiran Ilahi. Ianya disokong oleh kajian Dian Ratna (2007) mendapat peserta kajian juga sentiasa berdoa dan sembahyang dalam menghadapi hidup tanpa suami disisi. Pendekatan kerohanian adalah cara yang terbaik dalam menguruskan tekanan dalam kalangan wanita berhadapan krisis rumah tangga. Hasil kajian ini hampir kepada kajian yang telah dijalankan oleh Fariza (2005) iaitu cara yang positif dengan penerapan kaedah kerohanian agar dapat mengurangkan rasa tekanan yang lebih berkesan.

Situasi yang berbeza untuk setiap responden melalui saat getir kehidupan mereka. Pergolakan demi pergolakan yang dilului mengajar wanita menjadi lebih tabah dan kuat. Sokongan dan empati yang tinggi dari ahli keluarga khususnya akan memberikan lebih rasa kurang bebanan yang ditanggungnya. Pada ketika dan saat ini, wanita amat memerlukan nasihat dan pandangan yang positif terutamanya khidmat nasihat dari agensi-agensi tertentu agar dapat membantu melorongkan jalan terbaik buat mereka dan keluarga. Sememangnya mereka amat mudah terdedah dengan anasir negatif, kesedihan, tekanan, kesunyian dan memerlukan lauahan rasa kepada seseorang. Penceritaan oleh responden kajian jelas menceritkan kehidupan mereka melalui temubual dan juga pemerhatian yang dijalankan. Secara tidak langsung lauhan yang diceritakan dapat mengurangkan rasa bebanan yang tersirat dalam hati dan benak fikiran mereka agar tidak memberi kesan negatif kepada diri mereka sendiri, anak-anak, keluarga dan masyarakat.

Proses dalam menghadapi kesedihan

Hasil kajian mendapati responden kajian melalui tiga peringkat kesedihan iaitu sedih, menerima dengan redha dan bangkit kerana keutamaan kepada anak-anak serta masa hadapan kehidupan. Sedangkan berdasarkan Model Kubler-Ross (1969) mengkategorikan kepada lima peringkat kesedihan iaitu 1) penafian (*denial*). Penafian biasanya berbentuk sementara. Perasaan ini akan berubah apabila wanita mempunyai kesedaran yang tinggi dan sering memikirkan ingin kehidupan bahagia dan kasih sayang berharga daripada suami. 2) Kemarahan (*anger*), pada tahap ini wanita mula mengakui penafian tidak boleh diteruskan. Pengabaian dan krisis rumah tangga yang dilaluiannya membangkitkan kemarahan mereka. Kemarahan yang wujud dalam jiwanya menyebabkan mereka sukar mengawal emosi. 3) Rasa bersalah (*bargaining*) pula, wanita sering menyalahkan diri mereka sendiri terhadap krisis rumah tangga yang berlaku dalam keluarganya. Mereka amat berharap ianya dapat kembali seperti sediakala. Inginkan kebahagiaan datang semula dalam keluarganya dan ingin bersama dengan suami dan anak-anaknya. 4) Kemurungan (*depression*) iaitu selepas merasai fasa rasa bersalah, wanita ini mula memikirkan tentang situasi yang sedang berlaku pada masa kini. Kesedihan dan sakit dalam jiwa menerkam dirinya, merasakan dirinya tiada langsung penghargaan dan rasa diabaikan. 5) Penerimaan (*acceptance*) iaitu peringkat akhir dalam tahap-tahap kesedihan adalah proses untuk menerima kenyataan dan membina kekuatan dalaman untuk terus melangsungkan kehidupan tanpa mengingati masa lampau. Keyakinan untuk terus menerima takdir dan kehidupan baru semakin dikecapi.

Walaupun teori Kubler-Ross (1969), tidak menyatakan secara khusus setiap peringkat dan tempoh tertentu, namun ianya dapat dipecahkan mengikut apa yang dialami oleh responden kajian mengikut peringkat dan proses-proses tersebut. Apa yang dapat dilihat adalah proses yang berlaku hampir serentak. Dalam situasi sedih, terluka, responden kajian terus bangkit dalam kadar yang segera kerana anak-anak dan kelangsungan kehidupan. Selain itu ianya juga menunjukkan mereka menerima dengan redha walaupun ianya dengan mengumpul kekuatan yang cukup tinggi. Majoriti wanita cepat bangkit mencari pekerjaan atau kembali bekerja walaupun mereka sentiasa diberikan desakan dan permasalahan dari pasangan yang mengabaikan tanggungjawabnya. Bagi mereka anak-anak amat diutamakan.

Terdapat persamaan pada peringkat pertama dan kedua dengan kajian teori yang lepas, namun ianya berlaku serentak. Cuma perbezaan berlaku pada peringkat ketiga dan keempat, ianya tidak berapa direalisasikan. Namun, proses seterusnya berlaku kerana mereka mempunyai anak-anak bersekolah yang memerlukan wanita melaksanakan proses kelima sebagai kekuatan dalam diri, anak-anak dan keluarga. Hasil kajian yang hampir sama dihasilkan oleh Anura, Ruhani dan Zakaria (2019) tentang kesedihan wanita kematian suami yang hanya sama pada proses pertama dan berbeza pada proses kedua dan seterusnya.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa cabaran yang dihadapi oleh wanita berhadapan krisis pengabaian rumahtangga menyumbang kepada kesedihan yang dilalui responden kajian. Proses kesedihan yang dilalui oleh responden kajian berlaku seolah-olah serentak atas tindakan drastik yang diambil demi anak-anak. Ianya disokong oleh kajian Eva Meizara Puspita Dewi dan Basti (2008) bahawa isteri lebih mudah untuk mengambil langkah mendiamkan diri, namun mengambil langkah dalam menangis permasalahan mereka dengan keluar dari kepompong kesedihan. Penguat wanita adalah anak-anak yang memberikan mereka suntikan semangat dan kekuatan bagi sentiasa bangkit dalam trauma kehidupan yang sentiasa bergelumang dengan kesedihan. Kajian Bill dan Farrell (2002) memperlihatkan keadaan dan persamaan wanita dalam tindakan penyangkalan dalam mendapatkan ketenangan bagi meneruskan perjalanan hidup. Lumrah seorang wanita lebih cenderung dalam berkongsi cerita bagi meneutralkan integrasi emosi mereka(Gunarsah dan Gunarsah (1991).

Fariza (2005) memberikan pendapat yang sama dalam kajian ini iaitu kehidupan yang positif dan tenang serta penerapan kaedah kerohanian yang mantap akan mengurangkan rasa tekanan dan trauma kepada wanita berhadapan permasalahan ini. Allport, 1992 (dalam Suhriana 2011) orang yang mudah dalam menerima situasi dengan gambaran positif tentang orang lain, dapat mengatur dan bertoleransi dengan emosi, dapat berinteraksi dengan orang lain serta memiliki persepsi yang realistic dan berkemampuan untuk menyelesaikan masalah. Kajian ini berdasarkan modul Kubler- Ross, yang mempunyai persamaan pada peringkat pertama dan kedua kepada wanita berhadapan krisis pengabaian rumahtangga sehingga diteruskan pada peringkat kelima. Hasil kajian tidak jelas berlaku pada peringkat ketiga dan keempat iaitu rasa bersalah dan kemurungan. Kebanyakan wanita dalam kajian ini, lebih ke arah berfikiran positif apabila mereka mengenepikan perasaan bersalah dan menepis kemurungan. Ini kerana kekuatan mereka pada anak-anak dan kebergantungan terhadap Allah SWT. Namun begitu, setiap individu mempunyai tahap penerimaan yang berbeza dalam menghadapinya sehingga ianya dapat diatasi dengan cara yang cepat atau lambat. Namun, had kajian ini hanya untuk wanita mempunyai anak bersekolah yang berhadapan krisis rumahtangga. Seterusnya, secara tidak langsung kajian ini dapat memperlihatkan perbezaan dengan fasa kesedihan model yang lepas dengan permasalahan kesedihan yang dilalui oleh responden kajian.

Rujukan:

- Anura Ibrahim, Ruhani Mat Min dan Zakaria Mohamad (2019) Kesedihan Wanita Kematian Suami, *Journal of Business and Social Development*. Vol. 7(1); 20-39.
- Azizi Yahaya (2008), *Pembentukan Personaliti Remaja*. Johor Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Broussard, C.A, Joseph, Al., & Thompson, M. (2012). Stressor and Coping Strategies used by Single Mother Living In Property. *Journal of Woman and Social Work*. 27(2); 190-204.
- Eva Meizara Puspita Dewi dan Basti (2008) Konflik Perkahwinan dan Model Penyelesaian Konflik Pada Pasangan Suami Isteri, *Jurnal Psikologi Universitas Negeri Makasar*. Vol. 2.No 1; 42-51.
- Fariza Md.Sham, (2005). *Tekanan Emosi Remaja IslamISLA-MIYYA-T* 27(1); 3-24, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan. Fakulti Pengajian Islam UKM Bangi Selangor Darul Ehsan.
- Dian Ratna Sawitri (2007) *Menjalani Hidup Sepeninggalan Suami: Kenangan, Perjuangan dan Harapan*. www.eprints.undip.ac.id/8588/1/Menjalani_Hidup_Sepeninggalan_Suami.pdf
- Diyana Ishak, Doris Padmini Selvaratnam & Nor Aini Idris (2009). Isu dan Cabaran Ibu Tunggal dalam Menghadapi Perubahan Persekutaran Global. *Prosiding PERKEM IV*, Jilid 1;324-336.
- Dharautun Nisa Puad Mohd Kari. (2017), *Starategi Daya Tindak Dalam Kalangan Ibu Tunggal Kematian Suami* (Doktor Falsafah). Kuala Lumpur Universiti Teknologi Malaysia.
- Gunarsah S.D dan Gunarsah S.D. (1991) *Psikologi untuk mudi mudi*. Gunung Mulia Jakarta.
- Hamidah Ab. Rahman, Sabariah Din, Mohd Taib Dora, Ajmain Safar, Hamdan Abd. Kadir & Puteri Khairul Bariah Mohd Mansur (2006). *Faktor Penyumbang Kepada Masalah Keluarga Dan Pencerayaan: Kajian Kes di Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia.
- Kartono, K. 1992 *Psikologi wanita (Jilid II): Mengenal Wanita Sebagai Ibu dan Nenek* PT. Mandar Maju Bandung.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2010). Edisi ke 4. Selangor:Dawama Sdn Bhd.
- Kubler-Ross, E. (1969). *On Death and Dying*. London: Routledge.
- Kubler-Ross & Kessler. (2005). *On Grief and Grieving: Finding The Meaning of Grief through the Five Stages of Loss*. New York:Scribner.
- McLeod, J. (2001). *Qualitative Research in Counselling and Psychotherapy*.London: SAGE Publication.
- Nur Anifatul Aliya. (2014). *Koping Religius Pada Ibu Yang Berperanan Sebagai Orang Tua Tuan*. Tesis Sarjana Strata Satu. Yogyakarta. Fakulti Ilmu Sosial dan Humaniora. Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Nur Faezah Musthapar, Raihanah Hj Azahari dan Bahiyah Ahmad. Sakinah, Mawaddah dan Rahmah (2020) Dalam Hubungan Suami Isteri: Analisis Literatur. *Jurnal Syariah*, Jilid 28 Bil (1); 81-104.
- Raikhan Mormin dan Bushrah Basiron (2021), Kekuatan dan kebijaksaan wanita dalam menangani konflik perkahwinan, Book Chapter, UTM.
- Sadarjoen, S.S. (2005). *Konflik Marital: Pemahaman Konseptual, Actual dan Alternative Solusinya*. Refika Aditama Bandung.

- Strauss A, & Corbin J. (1998). *Basic of Qualitative Research: Techniques and Prosedures for Developing Grounded Theory*. New York: SAGE Publication.
- Suhriana (2011), *Pola relasi anak dengan ibu tiri dan implikasinya terhadap upaya mewujudkan keluarga sakinah: Studi di Kelurahan Dampit Kabupaten Malang*. Undegraduate thesis, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang.
- Terjemahan Al-Quran, (2001). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pegertian Al-Quran*. Diterjemahkan oleh Sheikh Abdullah Basmeih, disahkan oleh Haji Muhammad Nor bin Haji Ibrahim, Cetakan ke-12, Dar al-Kitab-Malaysia. Kuala Lumpur: Bahagian Hal-Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Worden, J.W & Silverman, P.S. (1993). Grief and Depression in Newly Widowed Parent with School-age Children. OMEGA. *Journal of Death & Dying*, 27; 251-261.

Funder by the Ministry of Higher Education Under FRGS

REGISTRATION PROPOSAL NO: FRGS/1/2020/SSIO/UTM/02/27 & UTM